

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 OKTOBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3

'Warga FELDA sentiasa istimewa, terus dijaga'

'Warga FELDA sentiasa istimewa, terus dijaga'

Pelbagai insentif diberikan sejak awal penubuhan tanah rancangan

Oleh Roselan Ab Malek
bhnews@bh.com.my

Bera: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata warga FELDA sentiasa istimewa dan akan terus 'dijaga' kerajaan, termasuk generasi kedua tanah rancangan berkenaan.

Ismail Sabri berkata, pelbagai insentif yang diberikan kerajaan kepada warga FELDA sejak awal penubuhan tanah rancangan itu lagi, mencerminkan betapa istimewanya warga FELDA kepada kerajaan.

"Walapun beberapa ketika FELDA mungkin hadapi pelbagai masalah dalamnya, warga peneroka tak dilupakan begitu sahaja," katanya pada program

Himpunan Keluarga FELDA, Teguh Bersama di FELDA Mayam, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail dan Pengerusi FELDA, Tan Sri Idris Jusoh.

Ismail Sabri, yang juga penyandang kerusi Parlimen Bera berkata, layanan kerajaan tidak terhenti setakat peneroka sahaja, malah pelbagai insentif baharu turut diumumkan bagi generasi kedua FELDA.

Beliau berkata, ini termasuk pelaksanaan Perumahan Generasi Baru FELDA (PGBF), yang ditambah baik dengan memperkenalkan inisiatif lot generasi FELDA, dengan 8,670 unit lot dikenal pasti dan 770 unit dilaksanakan secara undian lot.

Katanya, projek PGBF yang terbengkalai, membabitkan 1,400 unit akan dimulakan semula pada Disember tahun ini dan dijangka siap untuk diunduk pada Disember 2024, menerusi inisiatif pembentukan perunitan pinjaman perumahan kepada golongan muda, termasuk generasi kedua FELDA menerusi Skim Jaminan Kredit Perumahan.

"Untuk PGBF Bera, saya harap ia juga disegerakan. Kalau sudah kenal pasti kawasan, panggil segera interviu kalau ada permohonan, kalau ada permohonan luluskan segera untuk generasi kedua," katanya.

Perunitan RM20 juta
Selain itu, Ismail Sabri berkata, sebanyak RM20 juta diperuntukkan untuk FELDA dan lebih banyak lagi diumum kerajaan menerusi Bajet 2023, untuk bantuan pinjaman perumahan kepada golongan muda, termasuk generasi kedua FELDA menerusi Skim Jaminan Kredit Perumahan.

Pada masa sama, beliau turut meminta FELDA mengurangkan birokrasi dan menyegerakan permohonan Tabung Usahawan Belia FELDA, yang diperuntukkan dana pusingan sebanyak RM10 juta kepada generasi kedua.

Katanya, jumlah 23 permohonan diterima di peringkat wilayah dan permohonan itu seterusnya akan dibawa ke ibu pejabat untuk kelulusan.

Menyifatkan warga FELDA sebagai pengundi yang sangat setia dalam sejarah kerajaan Barisan

Nasional (BN), Ismail Sabri berharap, undi warga FELDA dapat diterjemahkan dengan kemengan BN di peringkat Pahang dan Kerajaan Persekutuan pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) akan datang.

"Saya beri jaminan, jika kita menang besar, politik kita stabil, ekonomi kita bertambah baik, yang untung tuan-tuan dan puan-puan selaku rakyat yang amat setia.

"FELDA sebenarnya *fixed deposit* (simpanan jaminan) kita, FELDA golongan yang sangat setia dengan kerajaan yang kita perintah dulu," katanya.



Ismail Sabri menyempurnakan gimik pelancaran buku Menempa Kejayaan FELDA 66 Tahun pada program Himpunan Keluarga FELDA Teguh Bersama di Felda Mayam, Bera, semalam. Turut hadir, Wan Rosdy dan Idris (kanan).

(Foto BERNAMA)